

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 29 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 28

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1521-L18079

**Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini mengenai hasrat Malaysia untuk menjadi negara ‘Carbon Neutral’ menjelang 2050 yang juga terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

2. PR-1521-L18858

**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf klinik kesihatan di Parliment Kuala Kedah berikut penambahan perumahan dan kepadatan penduduk.

3. PR-1521-L17974

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senarai semua rundingan yang sedang, telah dan juga dalam proses dengan negara-negara berpontensi membekalkan bekalan tenaga buruh ke negara ini. Berapa bilangan pekerja yang dijangka dibawa masuk dan tempoh masa untuk mengatasi isu kekurangan tenaga buruh yang dihadapi setiap industri kini.

4. PR-1521-L18121

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan berapa jumlah keluasan asal Tanah Rizab Melayu mengikut negeri di Semenanjung (yang mana keluasannya terus berkurangan) dan apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

5. PR-1521-L18446

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah dilaksanakan terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang terdapat di Sabah khususnya di Tawau yang banyak menimbulkan gejala sosial dan keselamatan yang meresahkan penduduk setempat.

6. PR-1521-L19263

**Datuk Ali anak Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) usaha Kementerian untuk mengatasi isu kekurangan klinik kesihatan luar bandar di Sabah dan Sarawak supaya rakyat mendapat akses rawatan kesihatan yang sewajarnya; dan
- (b) perancangan khusus di Parlimen Saratok.

7. PR-1521-L19440

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jika perlu digubal undang-undang untuk melindungi pemilik harta dari penyewa yang tidak membayar sewa. Akta baharu harus dibuat untuk memberi hak kepada pemilik harta untuk menghalau penyewa yang enggan membayar sewa dan memasuki premis sewaan tanpa perintah mahkamah.

8. PR-1521-L18051

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan Berapa jumlah bajet yang diperuntukkan oleh pihak Kementerian untuk tahun 2022 dan 2023 bagi tujuan pelaksanaan tabika dan taska KEMAS di seluruh negara serta perancangan masa hadapan Kementerian untuk melatih guru-guru tabika dan taska KEMAS supaya aspek pembangunan profesionalisme mereka seiring dengan perubahan zaman dalam usaha melahirkan modal insan yang cemerlang dari kalangan kanak-kanak prasekolah.

9. PR-1521-L18645

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan akan merangka satu dasar yang jelas, konkret dan konsisten dalam mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja pada masa yang sama dapat memastikan ketersediaan pekerjaan kepada rakyat Malaysia di samping mengelakkan kebanjiran warga asing terutama PATI yang akan menjadi ancaman dari sudut ekonomi dan keselamatan.

10. PR-1521-L18838

**Tuan Haji Kamal bin Ashaari [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan Kor Agama diwujudkan di dalam PDRM seperti mana telah diwujudkan di dalam ATM.

11. PR-1521-L18212

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan bagi menguruskan perlupusan kenderaan buruk dan ELV (End Life Vehicle) di samping menjaga kelestarian alam sekitar.

12. PR-1521-L18376

**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah hospital Kerajaan yang mempunyai doktor pakar, jumlah hospital Kerajaan yang belum mempunyai doktor pakar dan bilakah semua hospital Kerajaan akan mempunyai doktor pakar demi kebajikan rakyat dari segi pemeriksaan kesihatan, rawatan dan kecemasan.

13. PR-1521-L18418

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian bercadang menyelesaikan isu pembangunan strata bercampur berkenaan dengan pembayaran caj penyelenggaraan yang sama dikenakan ke atas pemilik petak/unit minoriti dan pemilik petak/unit majoriti walaupun terdapat ketidaksamarataan hak mengundi antara pemilik-pemilik tersebut.

14. PR-1521-L19035

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota polis yang bertugas secara jarak jauh dengan keluarga dan apakah bentuk kebajikan yang disediakan kepada mereka.

15. PR-1521-L18129

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimana Kerajaan membantu pegawai-pegawai diplomatik yang ditempatkan di luar negara mengatasi kenaikan kos sara hidup, perbelanjaan operasi kedutaan yang tidak mencukupi dan gaji pegawai kontrak negara setempat yang tidak kompetitif.

16. PR-1521-L19264

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi pihak Kerajaan dalam mengatasi masalah peningkatan *mismatched* skill dalam kalangan tenaga kerja muda khususnya wanita muda sama ada di bandar maupun di luar bandar.

17. PR-1521-L18096

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan pelan atau tempoh sasaran memastikan 10% Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dilengkapi kelengkapan digital seperti yang telah dituntut oleh Menteri sebelum ini.

18. PR-1521-L18743

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan terkini projek rancangan tebatan banjir (RTB) di negeri Kedah terutamanya melibatkan pembangunan Empangan Sabo dan Perkampungan Iboi bagi mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku.

19. PR-1521-L18571

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik perkahwinan dan penceraian rakyat Malaysia bukan Islam yang berkahwin dengan bukan warganegara, termasuk pendaftaran di misi Malaysia di luar negara dalam lima tahun yang lepas.

20. PR-1521-L19212

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status Projek Perumahan Rakyat Bukit Belah di Machang, dan bilakah penerima yang terpilih akan dapat berpindah masuk.

21. PR-1521-L19104

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kementerian dalam usaha mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia.

22. PR-1521-L18772

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya ada perancangan daripada Kementerian untuk mewujudkan Balai Bomba dan Penyelamat di gugusan FELDA.

23. PR-1521-L18312

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan tentang penganugerahan kontrak kepada Datasonic dan jumlah yang membabitkan ahli keluarga pemimpin utama Kerajaan yang lepas. Adakah kontrak ini diteruskan ataupun akan ditender semula.

24. PR-1521-L18758

**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa bilangan jenis dadah yang dikategorikan sebagai NPS yang dikesan dalam negara dan adakah Kerajaan bercadang untuk menyenaraikan dadah sintetik psikotropik benzo dalam perisa vape sebagai dadah terjadual.

25. PR-1521-L17961

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan akan menaik taraf Jalan Perancangan - Nalumad dan Jalan Miruru memandangkan Kerajaan Negeri Sabah telah pun meletakkan penaiktarafan 2 buah jalan ini dalam senarai keutamaan negeri Sabah untuk Rolling Plan Kedua (RP2), 2022-2023 di bawah Rancangan Malaysia ke-12 [2021 - 2025] negeri Sabah dan permohonan untuk menaik taraf jalan ini sudah dikemukakan kepada pihak Kementerian.

26. PR-1521-L18886

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan akan memansuhkan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) seperti yang didesak oleh pemimpin beberapa parti politik di negara ini.

27. PR-1521-L18116

**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kritikalnya isu kekurangan pakar perubatan dan kakitangan di hospital-hospital Kerajaan di Sarawak amnya dan di Hospital Sri Aman khususnya.

28. PR-1521-L18517

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan mengenai status perkembangan pembinaan Jambatan Sepang ke Bukit Pelanduk yang telah diluluskan dalam RMK-11 dan RMK-12.

29. PR-1521-L18591

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah terdapat sebarang pembaharuan yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan sejauh manakah program ini berkesan meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar.

30. PR-1521-L18718

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan terperinci bagi menangani permasalahan sosial terutamanya membabitkan kebersihan, vandalisme dan isu sosial di sekitar perumahan kos rendah memandangkan laporan daripada AADK 2022, 58% daripada 178 PPR ibu kota dikenali sebagai lokasi paling berisiko tinggi penagihan dadah .

31. PR-1521-L(5)00177

**Tuan Syahredzan bin Johan [ Bangi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk menyediakan 10,000 buah bas tambahan bagi seluruh negara, untuk menambah baik jaringan dan keberkesanan pengangkutan awam terutama sekali di kawasan bandar.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

32. PR-1521-L19433

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [ Betong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) jumlah kanak-kanak bukan warganegara tanpa pengenalan yang dilahirkan akibat perkahwinan dengan warga asing tanpa sijil perkahwinan di Sarawak; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai kaedah bagi memastikan kanak-kanak ini akan mendapat dokumen nanti.

33. PR-1521-L19156

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan maklumat terbaru adakah Projek Perintis Pulau Karbon Rendah pertama di Malaysia akan diteruskan di Pulau Tuba yang dicadangkan oleh Kerajaan yang lepas di bawah KASA untuk direalisasikan menerusi kolaborasi dan kesepakatan dengan Kerajaan Negeri.

34. PR-1521-L(5)00168

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [ Tampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk mengusulkan supaya salah seorang anggota Dewan Negara dilantik dalam kalangan ahli Persatuan Veteran Polis Malaysia (VPOL) agar keluhan dan tuntutan kebijakan pesara polis dapat disuarakan secara komprehensif.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

35. PR-1521-L18423

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kos, proses pemerolehan dan juga kontrak perkhidmatan berterusan untuk aplikasi telefon MySejahtera.

36. PR-1521-L19200

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) perancangan dan jaminan Kerajaan agar perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang memiliki tidak melebihi 5 orang pekerja bersedia untuk melaksana dasar gaji minima RM1500.00 pada bulan 1 Julai 2023 nanti; dan
- (b) tindakan kepada syarikat-syarikat yang tidak mampu melaksanakannya .

37. PR-1521-L(5)00170

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kerja-kerja menaik taraf landasan kereta api dua hala dan kerja-kerja jalan-jalan laluan di kawasan Bandar Labis sedang giat dijalankan. Adakah Kementerian sedia membina sebuah Terowong VBC melalui Jalan Tenang Bandar Labis menembusi bawah landasan ke pertengahan Jalan Station (jalan antara Pejabat Pos dan Balai Polis) untuk laluan keluar dan masuk kepada penduduk-penduduk tempatan dan pengguna kenderaan ringan seperti kereta, motosikal dan sebagainya, ke Jalan FT dan Jalan Muar.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

38. PR-1521-L18979

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan untuk menangani kehadiran pelarian perang Filipina yang berada di Sabah sejak awal tujuh puluhan.

39. PR-1521-L19372

**Dato' Dr. Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menangani lambakan graduan perubatan yang masih belum mendapat penempatan.

40. PR-1521-L19017

**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) bilangan wanita yang mengalami sakit puas bagi tempoh 5 tahun; dan
- (b) punca dan penyelesaian kepada masalah penyakit ini.

41. PR-1521-L18004

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Perpaduan bercadang untuk menaik taraf semua ibu pejabat polis, balai polis dan kuarters polis di kawasan Parlimen Jelutong.

42. PR-1521-L18295

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [ Sri Gading ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan bakal diambil oleh Kerajaan dalam mengatasi masalah keldai dadah dan mangsa pemerdagangan orang.

43. PR-1521-L19416

**Puan Young Syefura binti Othman [ Bentong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan :

- (a) untuk menaik taraf klinik-klinik desa di khususnya di kawasan Bentong dan kawasan pedalaman yang lain kepada klinik kesihatan; dan
- (b) untuk membina Hospital Bentong yang baru di kawasan Chinta Manis bagi menggantikan hospital yang sedia ada.

44. PR-1521-L(5)00172

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah benar Kerajaan Madani tidak akan membelakangkan mana-mana kaum dan agama berkenaan isu pengambilan pekerja dalam semua sektor. Adakah Kerajaan akan mencerminkan keadilan kepada kaum-kaum minoriti dalam isu pengambilan pekerja.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

45. PR-1521-L18477

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja kontrak pembersihan dan pegawai keselamatan yang berkerja di jabatan-jabatan persekutuan dengan pecahan mengikut Kementerian.

46. PR-1521-L18322

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini projek membina bangunan baru 6 tingkat Hospital Bau memandangkan ianya telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

47. PR-1521-L18347

**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status projek menaik taraf blok wad lama dan Jabatan Farmasi Hospital Duchess of Kent Sandakan, yang mana telah diluluskan di bawah RMK-11.

48. PR-1521-L18195

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) apakah langkah-langkah baharu yang diambil oleh Kerajaan Perpaduan untuk menambah baik dan mempercepat proses permohonan kewarganegaraan; dan
- (b) apakah KPI yang telah ditetapkan oleh Menteri mengenai jumlah dan kadar pemprosesan permohonan .

49. PR-1521-L18495

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang dalam menyelesaikan isu kekurangan tenaga kerja serta fasiliti yang menyebabkan kesesakan di jabatan kecemasan hospital Kerajaan.

50. PR-1521-L(5)00157

**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah keseluruhan projek serta unit rumah kos rendah dan mampu milik di dalam Parlimen Tebrau untuk:

- (a) jumlah projek yang telah siap dibina; dan
- (b) jumlah projek sakit – terbengkalai..

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

51. PR-1521-L19072

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Lumar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan aktiviti penguatkuasaan dan inisiatif yang telah dijalankan oleh pihak-pihak berwajib seperti Polis Diraja Malaysia dan Agensi Anti-Dadah Kebangsaan dalam membanteras kegiatan penagihan dadah di kawasan-kawasan kampung dan rumah panjang serta apakah langkah jangka masa panjang agensi-agensi terlibat bagi membendung gejala ini.

52. PR-1521-L(5)00176

**Tuan Syahredzan bin Johan [ Bangi ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) pada 2018 hingga 2022 termasuk :

- (a) sumber kewangan selain peruntukan belanjawan Persekutuan dan kutipan dan perbelanjaan mengikut tahun kewangan; dan
- (b) jumlah permohonan yang diterima, diluluskan dan dilaksanakan dan senarai projek penyelenggaraan dengan kos projek di kawasan Parlimen Bangi .

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

53. PR-1521-L18624

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sama ada Kementerian bersedia campur tangan dan memberi peruntukan kecemasan untuk membina dan menaik taraf loji rawatan air bagi menyelesaikan masalah gangguan air di negeri-negeri bukan Wilayah Persekutuan memandangkan akses kepada air bersih adalah hak asasi manusia.

54. PR-1521-L18822

**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan isu berhubung kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warga asing. Kanak-kanak yang terkesan ini akan menghadapi masalah sekiranya mereka mengikuti ibu mereka untuk kembali ke Malaysia bagi meneruskan kehidupan.

55. PR-1521-L18790

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci berapa jumlah pertuduhan, serbuan dan tangkapan yang berjaya dibuat untuk kes judi dalam talian semenjak dari tahun 2020 bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan strategi Kementerian untuk membasmi kegiatan tidak bermoral ini.

56. PR-1521-L(5)00174

**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan rancangan untuk membangunkan sistem pengkalan data geospatial bawah permukaan (contoh lubang gerudi, geofizik dan sebagainya) yang komprehensif berasaskan sistem GIS (Geographic Information System) di peringkat nasional meliputi kawasan seluruh Malaysia.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

57. PR-1521-L18286

**Dato' Seri Amirudin bin Shari [ Gombak ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) bilangan agensi Kerajaan yang terlibat dalam bidang pengurusan TVET; dan
- (b) langkah Kerajaan untuk mengelakkan pertindihan dalam bidang TVET.

58. PR-1521-L19141

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan tegas yang dilaksanakan dalam menangani isu pencerobohan nelayan asing yang semakin meningkat sejak sempadan dibuka sehingga menjadikan industri perikanan negara.

59. PR-1521-L18715

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah statistik KKM mengambil kira data daripada golongan terpinggir seperti pelarian, komuniti tanpa kewarganegaraan dan migran tidak berdokumen apabila melaporkan (di dalam dan luar negara) indikator kesihatan awam seperti kadar kematian ibu, HIV, hepatitis dan vaksinasi.

60. PR-1521-L18967

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status permohonan rancangan tebatan banjir bagi menangani masalah banjir di daerah Perak Tengah yang sering berlaku apabila tiba musim peralihan monsun yang telah dipohon di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (Rolling Plan 4 - RP4).

61. PR-1521-L(5)00175

**Tuan Syahredzan bin Johan [ Bangi ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) statistik kekuatan dan kekosongan anggota polis di IPD Kajang serta balai-balai di bawahnya dengan butiran terperinci termasuk skim perkhidmatan, bahagian/unit, dan jantina; dan
- (b) statistik jenayah indeks dan bukan indeks mengikut pecahan jenis jenayah di kawasan IPD Kajang bagi tahun 2018 hingga 2022.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

62. PR-1521-L18626

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan graduan-graduan daripada universiti-universiti perubatan di Amerika Syarikat yang diiktiraf oleh Kerajaan. Adakah Kerajaan merancang mengiktiraf graduan-graduan perubatan daripada universiti-universiti perubatan yang terbaik di Amerika Syarikat yang masih belum diiktiraf.

63. PR-1521-L18385

**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa bilangan individu yang ditahan di setiap pusat tahanan imigresen pada masa ini, mengikut umur, jantina, depot tahanan, tempoh ditahan, dan negara asal. Berapa ramai daripada mereka bersendirian, dipisahkan daripada keluarga mereka, atau bersama dengan keluarga/penjaga.

64. PR-1521-L18914

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan dan perincian fasiliti penjara serta apakah nisbah warden penjara kepada bilangan banduan.

65. PR-1521-L18710

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang wajar diambil oleh Kementerian dalam menangani isu gangsterisme yang begitu meruncing dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda yang mudah terpengaruh dengan pertubuhan-pertubuhan seperti anak muda sebagai ahli mereka.

66. PR-1521-L(5)00167

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [ Tampin ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan FELDA Bukit Rokan Utara yang daif dan ketinggalan dari pelbagai sudut seperti kemudahan, fasiliti serta infrastruktur berbanding Klinik Kesihatan yang lain.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

67. PR-1521-L18667

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah margin rezab sifar di negeri Kedah, Kelantan dan Perlis serta masalah gangguan air yang kerap di Lembah Klang.

68. PR-1521-L17983

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kerajaan Perpaduan sama ada satu peruntukan khas bagi rumah ibadat bukan Islam (RIBI) disediakan di dalam Bajet Kewangan 2023 atau sebaliknya.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |                      |   |                               |
|----------------------|---|-------------------------------|
| 1. ( D.R 13/2023 )   | Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023. | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| [ Perdana Menteri ]  |   |                               |
| 2. ( D.R 14/2023 )   | Rang Undang-Undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2023.                     | “                             |
| [ Perdana Menteri ]  |   |                               |
| 3. ( D.R 5/2023 )    | Rang Undang-Undang Kanun Keseksaaan (Pindaan) 2023.                                 | “                             |
| [ Perdana Menteri ]  |   |                               |
| 4. ( D.R 6/2023 )    | Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023.                           | “                             |
| [ Perdana Menteri ]  |   |                               |
| 5. ( D.R 12/2023 )   | Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2022) 2023                                  | “                             |
| [ Menteri Kewangan ] |   |                               |

**DAN**

**Menteri Kewangan akan mencadangkan :-**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak enam bilion tiga ratus lima puluh juta satu ratus sembilan puluh empat ribu dan sembilan ratus ringgit (RM6,350,194,900) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2022 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2022 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 Tahun 2023 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

- |                      |                                  |                               |
|----------------------|----------------------------------|-------------------------------|
| 6. ( D.R 4/2023 )    | Rang Undang-Undang Kewangan 2023 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| [ Menteri Kewangan ] |                                  |                               |

7. ( D.R 3/2023 ) Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

8. ( D.R 7/2023 ) Rang Undang-Undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023. “

**[ Perdana Menteri ]**

9. ( D.R 8/2023 ) Rang Undang-Undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023. “

**[ Perdana Menteri ]**

10. ( D.R 9/2023 ) Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023 “

**[ Menteri Pengangkutan ]**

11. ( D.R 10/2023 ) Rang Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023 “

**[ Menteri Pengangkutan ]**

12. ( D.R 11/2023 ) Rang Undang-Undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2023 “

**[ Menteri Pengangkutan ]**

13. ( D.R 1/2023 ) Rang Undang-Undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023. “

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

14. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) membuat pelaburan dengan menukar baki pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM165,282,814.00 kepada UDA Holding Berhad (UDA), sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuti (modal saham) bersamaan Seratus Enam Puluh Lima Juta Dua Ratus Lapan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Empat Belas (165,282,814) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham.”

15. PR-1521-U(27)231

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia - Thailand adalah sepanjang kira-kira 656 km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

16. PR-1521-U(27)232

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menukuhan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

17. PR-1521-U(27)233

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

**[ Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan ]**

18. PR-1521-U(27)234

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

**[ Menteri Ekonomi ]**

19. PR-1521-U(27)235

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendarangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

20. PR-1521-U(27)236

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

**[ Perdana Menteri ]**

21. PR-1521-U(27)237

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

**[ Perdana Menteri ]**

22. PR-1521-U(27)238

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme*. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme* di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

**[ Menteri Komunikasi dan Digital ]**

23. PR-1521-U(27)239

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasaraan kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

24. PR-1521-U(27)240

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

25. PR-1521-U(27)241

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan pengangur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

**[ Perdana Menteri ]**

26. PR-1521-U(27)242

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi Bajet 2023. Dalam ucapan Bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepat saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

27. PR-1521-U(27)243

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

28. PR-1521-U(27)244

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

29. PR-1521-U(27)245

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

### [ Menteri Dalam Negeri ]

30. PR-1521-U(27)225

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) 2009, seiring dengan cadangan serta titah Majlis Raja – Raja Melayu, demi memastikan pelantikan lima daripada sembilan ahli JAC tidak lagi dilakukan oleh Perdana Menteri. Bergerak ke hadapan, adalah wajar untuk Kerajaan Perpaduan meminda Akta JAC 2009 dan Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan bagi menghentikan campur tangan eksekutif yang hanya mengikut selera politik semata-mata dalam isu pelantikan hakim, sekali gus dapat mewujudkan kebebasan sistem kehakiman serta menjunjung keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang di dalam Malaysia sepertimana yang terkandung dalam Rukun Negara.

Sebelum ini, negara telah dikejutkan dengan pendedahan oleh mantan Tan Sri Peguam Negara di dalam buku tulisannya yang berjudul, "*My Story: Justice in Wilderness*", yang nyata bertentangan dengan laungan Kedaulatan Undang-undang atau "*Rule of Law*", oleh Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-7. Berdasarkan penulisan beliau, terdapat pelbagai dakwaan mengenai isu pelantikan hakim, campur tangan didalam sistem kehakiman, pendakwaan politik, serta pelbagai pendedahan yang menerbitkan seribu satu persoalan. Pendedahan daripada mantan Tan Sri Peguam Negara tersebut amat membimbangkan, menimbulkan rasa syak wasangka dan persoalan terhadap sistem keadilan, dan juga kepincangan atas doktrin, dengan izin, "*separation of power*" atau pengasingan kuasa di dalam negara kita.

Justeru, saya menyambut baik kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang menyatakan bahawa, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan untuk menuju Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk meneliti mengenai perkara tersebut. Namun, saya fikirkan Kerajaan tidak sepatutnya sekadar berhenti di situ sahaja. Sebaliknya perlu meminda JAC 2009 bagi merealisasikan hasrat murni Kerajaan terutamanya dalam urus tadbir yang baik atau '*good governance*'."

### [ Perdana Menteri ]

31. PR-1521-U(27)226

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap harga maksimum telur ayam yang berkuat kuasa pada 12 Oktober 2022 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan menaikkan harga kawalan telur tempatan dari RM0.41 ke RM0.50 sebiji, iaitu pada paras harga yang sama dengan harga telur import dari India. Di samping itu, Kementerian juga boleh mewujudkan "elaun telur secara *top-up*" kepada golongan B40 dengan menampung selisih harga telur sebanyak RM0.09 (RM0.41 -RM0.50) sebiji. Langkah ini boleh meringankan bebanan kewangan keluarga B40 dan turut membantu penternak tempatan mengatasi masalah kos operasi yang meningkat, sekali gus mengatasi masalah kekurangan bekalan telur ayam. Seandainya elaun telur sebanyak RM200 setahun diberikan kepada golongan B40, banyak telur yang boleh dimakan oleh keluarga B40.

Kementerian seharusnya mengutamakan penternak tempatan semasa menangani masalah kekurangan bekalan telur ayam. Ramai penternak atau pengusaha ladang ayam telur terpaksa menampung kos operasi yang tinggi mengeluarkan telur. Kos untuk menghasilkan sebiji telur ayam di ladang kini mencecah RM0.45 sebiji, di mana sebahagian besarnya membabitkan penghasilan makanan ayam. Menurut Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam Dan Telur oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Disember 2022, purata kos pengeluaran di peringkat ladang bagi telur adalah RM0.48 sebiji pada September 2022. Penternak tempatan rugi kerana telur tempatan hanya boleh dijual dengan RM0.41 sebiji kerana ada kawalan harga, sedangkan kos menghasilkan sebiji telur telah pun melebihi paras harga tersebut. Kalau rugi, penternak tidak akan membela ayam untuk menghasilkan telur.

Malahan, telur import dari India dijual dengan RM0.50 sebiji, jika Kementerian memansuhkan kawalan harga, harga jualan telur tempatan juga lebih kurang sama iaitu kira-kira RM0.50 sebiji. Maka, cadangan untuk meminda harga kawalan telur tempatan ke RM0.50 sebiji bakal membantu rakyat dan penternak tempatan. Langkah tersebut boleh menjana ekonomi domestik dari sudut penyediaan peluang pekerjaan dan pembayaran cukai dari pihak penternak, kebersihan dan keselamatan telur ayam, kemudahan logistik, penyeliaan dan pembekalan berbanding dengan langkah mengimport telur dari India.

Justeru, Kementerian wajar mempertimbangkan cadangan pindaan kawalan harga telur supaya rakyat dan penternak tempatan tidak lagi terjejas dalam masalah kekurangan bekalan telur yang berpanjangan ini. Elaun telur kepada golongan B40 juga boleh memastikan rakyat terus berkemampuan menikmati makanan asas ini tanpa terjejas oleh kenaikan harga kawalan telur. Telur dan ayam adalah makanan asas rakyat tanpa mengira kaum atau agama, perkara ini harus dijadikan keutamaan."

32. PR-1521-U(27)227

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi Kemelesetan Ekonomi Global pada 2023 seperti yang diramalkan oleh pelbagai institusi kewangan dalam dan luar negara.

Menurut kajian yang dibuat oleh Bank Dunia; dalam menghadapi risiko, di mana bank-bank negara di seluruh dunia telah dan akan secara serentak menaikkan kadar faedah secara mendadak. Kesannya, seluruh dunia akan menghadapi krisis ekonomi dan bakal menuju kepada krisis kewangan yang semestinya akan memberikan impak negatif yang berpanjangan.

Pelbagai kajian dasar, pakej rangsangan dan langkah diplomatik perlu dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan negara kita kalis krisis ini dan membolehkan rakyat hidup dalam kestabilan ekonomi yang optimum. Selain itu, krisis ekonomi secara global juga dijangka akan membawa kepada kemerosotan KDNK sebanyak 0.5 peratus pada 2023.

Pertumbuhan ekonomi mesti dipertingkatkan supaya negara kita boleh mencapai penkuhan nilai mata wang dan menarik lebih banyak pelaburan yang strategik di mana akan menyumbang kepada peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti, pengukuhan pasaran modal dan mengurangkan kemiskinan rakyat. "

#### **[ Menteri Ekonomi ]**

33. PR-1521-U(27)228

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat jemaah menteri bagi membuat kajian dan perancangan dalam membasmikan kemiskinan golongan nelayan. Mengikut rekod lalu yang dibuat, bincian daripada SENDI-LKIM (2008-2017) mendapati bahawa para nelayan hanya memperoleh pendapatan melebihi RM1,200 sahaja. Meskipun Kerajaan sudah menyediakan peruntukan kepada nelayan melalui Elaun Sara Hidup Bantuan Nelayan dan Skim Subsidi Petrol, namun dengan peningkatan kos sara hidup dan keterbatasan akses kepada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan telah menyukarkan dan membebankan para nelayan yang berada di kawasan luar bandar. Tahun 2022, sejumlah RM7 juta diperuntukkan kepada LKIM sebagai modal pusingan pembelian ikan tempatan sebanyak 1,000 tan metrik yang akan ditempatkan di 130 bilik sejuk beku di seluruh negara untuk menghadapi musim tengkujuh. Permasalahan ini berlaku disebabkan penglibatan orang tengah yang menganiaya dan mengambil kesempatan atas usaha para nelayan dengan memberi alasan hasil yang berkurangan disebabkan

oleh cuaca buruk dan secara tidak langsung memberikan kesan negatif kepada rantaian sekuriti makanan negara. Penerangan yang jelas kepada sistem penyaluran bantuan Kerajaan juga harus ditambah baik terutamanya kepada golongan-golongan yang tidak mahir menggunakan kemudahan internet dan agensi berkaitan haruslah mencari nelayan yang masih belum berdaftar agar bantuan Kerajaan juga boleh dinikmati oleh mereka. Pokoknya, Kerajaan harus meneliti dan menggali dengan lebih mendalam tentang permasalahan yang dihadapi oleh para nelayan. Kita harus memperkasakan saluran bantuan Kerajaan agar tidak berlaku ketirisan dan aktiviti penyalahgunaan kuasa yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu. "

### [ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]

34. PR-1521-U(27)229

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah pelan tindakan khas untuk menghadapi dan mengatasi krisis utiliti terutamanya tenaga elektrik dan bekalan air bersih serta apakah jangkaan kesan kepada rakyat apabila inisiatif Kerajaan mengurangkan pemberian subsidi utiliti.

Krisis tenaga elektrik berpunca dari harga bahan api sangat tinggi yang menyebabkan peningkatan mendadak kos penjanaan elektrik dan pelarasan tarif elektrik melalui mekanisme ICPT. Berdasarkan kepada kos penjanaan yang sangat tinggi ini, semua pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia sepatutnya dikenakan surc妖 sebanyak 27 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023 yang akan menyebabkan peningkatan kos sara hidup sekiranya dilepaskan kepada pengguna sepenuhnya. Sekiranya keseluruhan kos ICPT ditampung melalui subsidi, Kerajaan pula perlu menyediakan peruntukan yang sangat besar dan membebankan.

Krisis sumber air bersih diakibatkan oleh penebangan hutan secara berleluasa dan pembalakan yang tidak terkawal boleh memusnahkan "hutan awan" (*cloud forest*) yang akan mengakibatkan kehilangan sumber air yang berharga selain menyebabkan hakisan tanah dan menjelaskan kualiti sumber air. Pembuangan sampah dan sisa toksik industri juga menyumbang kepada pencemaran air sungai yang boleh menyebabkan masalah gangguan bekalan air tidak berjadual timbul dan menyukarkan rakyat dalam kehidupan seharian dan secara langsung menelan kos yang tinggi bagi meningkatkan tahap capaian bekalan air bersih, tambahan pula kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian peralatan secara berkala di loji rawatan air atau sistem agihan oleh operator bekalan air semestinya memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Oleh hal demikian jaminan tenaga dan air perlu dirangka dengan langkah yang selamat oleh Kerajaan dalam mencapai penggunaan utiliti yang mampan serta efisyen dengan penggunaan kos yang rendah serta pengenaan caj tidak membebankan rakyat. Pengalaman krisis tenaga yang dilalui oleh masyarakat di Eropah perlu diambil sebagai panduan dan perkara yang perlu dirujuk dalam membuat sebarang pertimbangan pada masa kini dan hadapan."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

35. PR-1521-U(27)230

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah Institut Rukun Negara bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model literasi perpaduan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi kaum akan dilihat semakin serius jika perancangan, penekanan dan pemantauan ini tidak dilakukan segera daripada peringkat awal pembelajaran dan ia tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda. Kesannya terhadap potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 52	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka Tahun 2021 (Telah Diaudit)	29 Mac 2023
ST. 63	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	29 Mac 2023
ST. 72	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	29 Mac 2023
ST. 76	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	29 Mac 2023
ST. 80	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kelang dan Lembaga Pelabuhan Melaka Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	29 Mac 2023
ST. 81	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	29 Mac 2023

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 29.03.2023 (Rabu)	1. YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Tebrau)	1. Isu <i>Brain Drain</i> Khususnya di Negeri Johor	1. YB Menteri Sumber Manusia
2. 29.03.2023 (Rabu)	2. YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Tebrau)	2. Kesesakan Jalan Raya di Parlimen Tebrau	2. YB Menteri Kerja Raya
3. 29.03.2023 (Rabu)	3. YB Tuan Zahir bin Hassan (Wangsa Maju)	3. <i>Multi Lane Fast Flow</i> (MLFF)	3. YB Menteri Kerja Raya
4. 29.03.2023 (Rabu)	4. YB Tuan Zahir bin Hassan (Wangsa Maju)	4. Bantuan yang Diperoleh Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi (IPT)	4. YB Menteri Pendidikan Tinggi

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**